



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
سُلْطَانِيَّةِ كَدَاهِ دَارُ الْآمِانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000

: 04-774 4010

Faks : 04-733 0910

: 04-733 8717

: 04-774 4578

: 04-774 4643

Kedah
Malaysia
where it all began

“MUAFAKAT KEDAH”

Ruj. Kami : (26) dlm P. Kw.N(K) 1521 Jld 2

Tarikh : 19 Ramadhan 1438
14 Jun 2017

SEMUA KETUA JABATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 4 2017 PERATURAN BANTUAN KHAS TAHUN 2017

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri memberi Bayaran Khas Tahun 2017 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2017 dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 14 Jun 2017.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN

Bantuan Khas Tahun 2017 ini akan diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman yang sedang berkhidmat pada 02 Jun 2017.

4. TARIKH PEMBAYARAN

Bantuan Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 ini akan dibayar pada 20 Jun 2017.

5. PERATURAN PERLAKSANAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017

- 5.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di bawah di mana Gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-
- i. Perpendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
 - ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bantuan Khas Tahun 2017 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerimanya seperti yang tersebut di dalam Perkeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2017.
 - iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
 - a) Bersara
 - b) Meninggal dunia
 - c) Tindakan tata tertib
 - d) Letak Jawatan
 - e) Cuti Tanpa Gaji
- Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri ; dan
- iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”
 - v. Laporan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Perpendaharaan Negeri Kedah Darul Aman tidak lewat hari **Khamis 15 Jun 2017 jam 12.00 tengahari**. **Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Tahun 2017 dibayar lewat.**
 - vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bayaran Khas Tahun 2017 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

(Tandangan & Cop Jabatan)

5.1.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bantuan Khas Tahun 2017 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

5.1.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Tahun 2017

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2017 sahaja.

5.1.4 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN (PAYROLL)	PERIHAL
17102		Bantuan Khas Tahun 2017
29306		Bantuan Khas Tahun 2017 pekerja sementara / sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.

6. Oleh yang demikian pohon kerjasama Y.B. Dato' /Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan dalam hal ini dan sekiranya mempunyai kemosykilan , sila hubungi **Seksyen Emolumen Perpendaharaan Negeri di talian 7744606 / 4607 / 4608 / 4609** untuk penjelasan.

Sekian , terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(NAZHATUN BT. MD. REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri,
b/p Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

- s.k Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Audit Negara , Negeri Kedah Darul Aman